

Saliran baik elak banjir kilat

Oleh RADHUAN HUSSAIN

pengarang@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 15 Jan. - Fenomena banjir kilat yang makin ketara pada musim tengkujuh di negeri ini banyak berkait dengan permasalahan saliran yang melibatkan projek-pojek pembangunan hartanah.

Sehubungan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman mengingatkan pihak berkuasa tempatan agar tidak berkompromi dengan mana-mana pemaju yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Ahmad Razif menegaskan, perkara itu perlu dipandang serius dan setiap kelulusan mesti diperincikan supaya tidak timbul masalah sistem perparitan yang kerap berlaku hingga mengakibatkan takungan air di kawasan perumahan.

"Kajian meliputi perancangan bandar, sistem perparitan dan sebagainya dilaksanakan PBT sebelum memulakan projek pembangunan.

"Bagaimanapun masalah timbul apabila ada dalam kalangan pemaju yang terlibat tidak mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan hingga mengakibatkan berlaku masalah," katanya kepada pemberita di sini, baru-baru ini.

Di samping itu katanya, terdapat juga pemaju juga tidak menambun tanah mengikut ketinggian yang ditetapkan bagi projek perumahan di kawasan rendah.

"Masalah banjir yang berpunca daripada sistem saliran yang tidak sempurna itu bukan sahaja mengakibatkan pemi-



AHMAD RAZIF ABDUL RAHMAN

lik kediaman sentiasa berada dalam keresahan tetapi juga terpaksa menanggung kerugian harta benda," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Razif yakin masalah banjir yang kerap melanda kawasan Gong Badak terutama Taman Desa Tanjung Damai di sini akan selesai sebaik sahaja projek pembinaan sistem perparitan dan saliran dengan kos RM85 juta siap sepenuhnya tahun ini.

Menurutnya, sistem perparitan itu dibina melibatkan kawasan di Bandar Baharu Kuala Nerus, dari Jiring sehingga ke Sungai Terengganu sejauh 7.5 kilometer.

"Satu lagi projek saliran turut dibina di kawasan kampus Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan sejurus kedua-dua projek ini siap kelak mampu menangani masalah banjir di kawasan sekitar," ujarnya.